

Jelajah ICT Untuk Peningkat Kerjasama Taiwan-Malaysia

Bernama

Jun 5, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Jelajah Penyelesaian ICT Inovatif dan Perkongsian Peluang Perniagaan Taiwan menyasarkan untuk memupuk kerjasama dan kefahaman yang lebih mendalam antara industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Taiwan dan Malaysia.

Dalam satu kenyataan Khamis, penganjurnya, Institut Industri Maklumat Taiwan, berkata jelajah sehari itu hari ini dipenuhi dengan kegiatan, yang menyaksikan wakil sembilan peneraju industri ICT Taiwan menemui lebih daripada seratus perniagaan Malaysia.

"Syarikat-syarikat Taiwan itu membawa masuk pelbagai produk dan penyelesaian," katanya.

Timbalan Ketua Misi Pejabat Ekonomi dan Budaya Taipei di Malaysia, Jeffrey Kau, berkata usaha kerajaan Malaysia dalam memperkukuh industri ICT negara ini penting dalam meningkatkan potensi Malaysia dalam bidang ini.

"Terdapat banyak ruang bagi kerjasama antara Malaysia dan Taiwan, termasuk platform e-perniagaan, penyumberan luar proses perniagaan, pengkomputeran awan, keselamatan rangkaian, bahan pembelajaran bahasa Cina, dan banyak lagi bidang lain.

"Permintaan dalam pasaran amat besar dan sinergi dua hala akan dapat membantu memenuhi permintaan pasaran," tegas Kau.

Kata beliau Malaysia dan Taiwan telah menjadi rakan kerja dalam bidang ICT sejak sekian lama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043998>